

04 MAY 2001

Mahathir-Toleransi

TEKANKAN PADA GENERASI MUDA PELIHARA TOLERANSI AGAMA. KATA PM

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata generasi muda negara ini hendaklah dijadikan sasaran usaha berterusan untuk melindungi dan memelihara toleransi agama.

Beliau berkata ini kerana anak-anak muda biasanya bebas daripada perasaan pilih kasih dan prasangka.

"Murid-murid di tahap taman kanak-kanak tidak ragu-ragu untuk belajar dan bermain bersama. Mereka selalu berjalan bergandingan tangan tanpa sedikitpun wujud perasaan tidak percaya dan tidak selamat. Mereka memberikan contoh terbaik mengenai kewujudan toleransi dan keamanan," katanya malam ini.

Semasa berucap merasmikan perhimpunan agung World Evangelical Fellowship di sini, Dr Mahathir bagaimanapun berkata hubungan yang begitu baik dan mesra ini akan semakin pudar apabila kanak-kanak ini membesar dengan pengaruh ibu bapa dan persekitaran yang mula membentuk pemikiran mereka.

Perhimpunan sehingga Khamis depan itu dihadiri 611 wakil dari 82 buah negara.

"Dan ini akan mewujudkan perasaan prejudis yang mereka tidak pernah tahu sebelum ini," kata Perdana Menteri sambil menegaskan bahawa pihak berkuasa agama patut mencari jalan untuk menghentikan kelonggaran hubungan persahabatan di kalangan anak-anak yang masih muda ini.

"Mereka boleh didedahkan kepada persamaan dan perbezaan tentang diri masing-masing dari segi agama. Dan hendaklah ditekankan kepada mereka bahawa jika mereka boleh menghormati antara satu sama lain, maka hidup bersama sebagai sebuah masyarakat, walaupun masing-masing mempunyai kepercayaan yang berlainan, bukanlah satu perkara yang tidak mungkin boleh berlaku," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata para pemimpin agama dalam sebuah negara Malaysia yang pelbagai bangsa dan kebudayaan harus juga mengkaji semula peranan mereka pada ketika negara memasuki era baru dalam pembangunan masyarakat.

Katanya mereka boleh memberikan sumbangan terbesar dengan menggalakkan toleransi agama di kalangan para pengikut agama masing-masing.

"Sebagai contoh agama-agama besar menggalakkan berbaik-baik sesama jiran dan menghormati hubungan keluarga. Nilai-nilai murni ini sepatutnya diberikan penekanan yang kukuh dalam semua kegiatan anjuran badan-badan agama," katanya.

Dr Mahathir berkata tiadanya toleransi akan mencetuskan ketidakadilan yang akan membawa kepada pemberontakan dan penentangan dan ini pula akan menjadi bertambah buruk menjadikan perdamaian sesuatu yang tidak mungkin berlaku.

"Akan dilihat pada masa-masa ketegangan, putus asa dan kekecewaan ini, orang ramai akan semakin tidak rasional dan mereka melakukan perkara yang mereka tidak pernah terfikir mampu melakukannya. Jadi kita melihat kekejaman tersembunyi yang dilakukan oleh orang yang paling lembut peribadinya sebelum ini," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri turut mencadangkan supaya para pemimpin agama menimbangankan untuk menubuhkan kumpulan kerja antara agama di pelbagai peringkat dalam masyarakat.

Kumpulan kerja ini, katanya boleh bekerjasama untuk memperbaiki persefahaman bersama.

"Islam jelas menyatakan bahawa kita harus menerima hakikat bahawa yang lain akan percaya terhadap fahaman mereka, melakukan ibadat sendiri. Bagi mereka agama mereka, bagi umat Islam agama mereka sendiri. Sepertimana umat Islam harus menerima hak orang lain terhadap kepercayaan mereka, orang lain juga hendaklah menerima dan menghormati hak umat Islam sebagai orang Islam," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa setiap orang hendaklah berhati-hati supaya tidak menyebarkan fahaman agama mereka sehingga menyebabkan konflik dan keganasan kerana ini hanya akan membawa kepada suasana agama tidak lagi boleh berkembang,

"Kita harus berhati-hati dalam melakukan perkara melibatkan agama. Sensitiviti orang lain yang menganut agama berbeza hendaklah diberi pertimbangan sewajarnya," katanya.

-- BERNAMA

MHI ZS RON